

Karnival Prasekolah Swasta 2017



Labuan, 10 Oktober – Buat julung kalinya, Karnival Prasekolah Swasta 2017 Peringkat Negeri Labuan dengan matlamat utamanya untuk memberikan peluang meningkatkan dan melahirkan kanak-kanak yang berpotensi dari pelbagai aspek perkembangan serta pembelajaran melalui pendedahan secara aktif dalam aktiviti yang menyeronokkan.

Karnival ini juga bertujuan memastikan 100% Prasekolah Swasta di Wilayah Persekutuan mempunyai permit pendaftaran yang sah berdaftar dengan Jabatan Pendidikan WP Labuan (JPWPL).

Program anjuran Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pengurusan Sekolah, JPWPL dengan kerjasama Sekolah Antarabangsa Labuan dan Tadika-tadika Swasta telah berlangsung di Ruang Legar Anggerik Kompleks Ujana Kewangan pada 8

Oktober yang lalu.



YB Datuk Rozman (tengah) bersama Encik Raisin dan peserta karnival

Bersandarkan tema, “Anakku Genius, Permata Hatiku”, tadika-tadika telah menunjukkan bakat yang ada pada setiap kanak-kanak yang berumur 4+ dan 5+ dalam pelbagai acara seperti bercerita dan membaca lancar dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Choral Speaking, tarian tradisional dan moden.

Selain itu, booth pameran 14 buah tadika yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia juga disediakan untuk ibu bapa mengenali dan memilih tadika yang bersesuaian dengan kemahuan dan keperluan masing-masing.

Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Yb Datuk Rozman Bin Datuk Hj Isli, Ahli Parlimen WP Labuan, yang turut dihadiri oleh Encik Raisin Saidin, Pengarah Pendidikan WP Labuan dan Puan Maimoon binti Hj Matnoh, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah JPWPL dan barisan pengelola-pengelola tadika swasta.



Sumber Berita : Zaliha Mohd Salleh